

B B968 AAB
MAHATHIR - TANDING R R R

KUALA LUMPUR, 18 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN MEMPERTAHANKAN KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU DI KEDAH PADA PILIHAN RAYA UMUM YANG DIJADUALKAN BERLANGSUNG 3 OGOS. BELIAU YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional berkata beliau tidak akan meninggalkan Kubang Pasu sebagaimana yang dilakukan oleh sesetengah pemimpin pembangkang yang +suka lari dari satu kawasan ke kawasan lain.+

+SEKIRANYA LIM KIT SIANG (SETIAUSAHA AGUNG DAP) INGIN BERTANDING DI KUBANG PASU, SILAKANLAH,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BN DI KOMPLEKS UMNO DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MEWAKILI KUBANG PASU SEJAK 1974. ENCIK LIM, KINI ANGGOTA PARLIMEN KOTA MELAKA, DILAPORKAN BERURA-URA BERTANDING DI SATU KAWASAN PARLIMEN DI PULAU PINANG PADA PILIHAN RAYA INI.

KETIKA DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MELAKUKAN LAWATAN KE SELURUH NEGARA SEMASA KEMPEN PILIHAN RAYA KELAK, BELIAU BERKATA BELIAU AKAN CUBA SEDAYA UPAYA UNTUK MENGUNJUNGI SEMUA NEGERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR PADA HUJUNG TAHUN LEPAS DAN AWAL TAHUN INI MELAWAT KE SEMUA NEGERI DAN SEBELUM HARI INI TELAH MENGADAKAN LAWATAN KE BEBERAPA NEGERI BAGI KALI KEDUA. -- BERNAMA.

2023MST 18 07 86